

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI ISNIN : 21 OKTOBER 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan :

- a. apakah mekanisme yang diambil oleh Kementerian dalam penganjuran Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) yang dapat menawarkan harga yang murah sehingga 40 ke 50 peratus dari pasaran dan perkembangan ke seluruh negara; dan
- b. sejauh mana sambutan masyarakat terhadap program sumbangan sumber dan bahan melalui kaunter khas My Food for Ummah (MFFU).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) merupakan satu projek kolaborasi agensi-agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertujuan untuk membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup. Mekanisme pelaksanaan Program BPR yang dapat menawarkan harga antara **5% hingga 30%** lebih rendah berbanding harga di pasar awam setempat adalah:
 - i. Jualan terus oleh agensi seperti berikut:
 - Jualan terus stok bekalan makanan, produk Agromas, sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri asas tani oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui Pusat Operasi FAMA;
 - Jualan terus produk ikan dan hasil laut oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT); dan
 - Jualan terus ayam, daging dan telur oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kawasan setempat.
 - ii. Jualan komoditi terpilih oleh usahawan pengeluar produk yang memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna;
 - iii. Jualan komoditi terpilih secara terus dari ladang berhampiran oleh usahawan setempat; dan
 - iv. Jualan *Happy Hour* oleh usahawan iaitu produk dijual pada harga borong untuk mempromosikan produk usahawan.

SOALAN NO : 1

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 27 September 2019, Program BPR telah diadakan sebanyak 15 kali di sembilan (9) lokasi antaranya di PPK Kg Pelet, Pulau Pinang, Pejabat MARDI, Manir Terengganu dan di Masjid Temerloh Jaya, Pahang. Anggaran jumlah pengunjung adalah seramai 25,402 orang dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM508,040.

Tuan Yang Dipertua,

3. Soalan kedua YB Mersing adalah mengenai Program My Food For Ummah (MFFU). Untuk makluman YB, program ini mempunyai lima (5) aktiviti iaitu:
 - i. Jom Kongsi Rezeki: Pengagihan makanan sumbangan daripada usahawan/pengunjung Program Bazar Peduli Rakyat & Pasar Tani terpilih kepada asnaf setempat;
 - ii. *Foodbank*: Pengumpulan sumbangan makanan daripada usahawan/pengunjung Pasar Tani terpilih di kawasan Lembah Klang kepada ejen pemungut yang dilantik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP);
 - iii. Jelajah Ramadan: Pengagihan makanan yang disumbangkan oleh pihak FAMA dan usahawan FAMA menerusi aktiviti terbuka bersama masyarakat setempat;
 - iv. FAMA Bersamamu: Usaha FAMA mengagihkan makanan yang disumbangkan oleh FAMA dan usahawan kepada golongan gelandangan di bandar-bandar bersama pihak NGO; dan
 - v. Program pengedaran produk Malaysia ke pasaran antarabangsa terutama di Timur Tengah.

SOALAN NO : 1

4. Kaunter khas MFFU dalam Program BPR adalah di bawah aktiviti Program MFFU - Jom Kongsi Rezeki yang baru sahaja dilancarkan pada bulan Ogos 2019. Di bawah program ini, pengunjung dan usahawan BPR dan Pasar Tani terpilih boleh memberikan sumbangan bahan makanan seperti beras, gula, tepung, sayur-sayuran, buah-buahan dan bahan makanan lain melalui kaunter pengumpulan yang disediakan. Sehingga kini ia telah dijalankan di lima (5) lokasi seluruh negara iaitu di BPR Kg. Pandan, Selangor, BPR Manir, Kuala Terengganu, BPR Temerloh, Pahang, Pasar Tani Guar Perahu, Pulau Pinang dan Pasar Tani Padang Hiliran, Kuala Terengganu.
5. Walaupun program ini baru sahaja dilancarkan pada Ogos yang lalu, sambutan daripada peniaga dan pengunjung adalah amat baik. Sehingga kini, dianggarkan nilai barangan produk segar dan bahan makanan yang disumbangkan adalah berjumlah RM13,280. Seramai 234 orang asnaf telah menerima sumbangan daripada program ini.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT PEGAWAI

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Disediakan oleh : Shahlan bin Kusaseh
Jawatan : Pengarah
Bahagian : Sekretariat Dan Projek Khas
No. Telefon : 019-3370435

Disediakan oleh : Abd. Rahman bin Mahmood
Jawatan : Pengarah Kanan
Bahagian : Pasar Tani
No. Telefon : 019-2759135

Disemak oleh : Abdul Rashid bin Bahri
Jawatan : Pengarah Kanan
Bahagian : Perancangan Strategik
No. Telefon : 013-2522612

Disahkan oleh : YBrs. Tuan Haji Zainal Abidin bin Yang
Razalli
Jawatan : Ketua Pengarah FAMA
No. Telefon : 03-6128 2020 / 019-5714486

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Disediakan oleh : Suhaili binti Mohamad Zahidi
Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian : Pemasaran dan Eksport
No. Telefon : 03-8870 1221

Disemak oleh : Datin Sri Wan Rosliza binti Abdul Rashid
Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha (Kanan)
Bahagian : Pemasaran dan Eksport
No. Telefon : 03-8870 1222

SOALAN NO : 1

Disemak oleh : Halmiza binti Md Halil
Jawatan : Setiausaha Bahagian
Bahagian : Pemasaran dan Eksport
No. Telefon : 03-8870 1216

Disahkan oleh : Dr. Zunika binti Mohamed
Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
No. Telefon : 03-8870 1020

Diluluskan oleh : YBhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan
Jawatan : Ketua Setiausaha
No. Telefon : 03-8870 1014

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Program BPR diadakan di premis berikut:

- i. premis dan outlet pemasaran FAMA, LPP dan LKIM;
- ii. premis kerajaan yang sesuai;
- iii. perkarangan Masjid; dan
- iv. kawasan strategik yang menjadi tumpuan rakyat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Laporan pelaksanaan Program BPR adalah seperti berikut:

	Lokasi	Negeri	Bil. Operasi	Bil. Usahawan	Bil. Pengunjung	Tarikh	Nilai Jualan (RM)
1	PPK Kg Pelet	Pulau Pinang	5	25	5150	1/2, 8/3, 5/4, 5/7, 2/8	103,000
2	Tapak Ekspo Seberang Jaya (FAMA Fest)	Pulau Pinang	3	15	5650	26,27,28/4	113,000
3	Taman Kemuning	Negeri Sembilan	1	36	1800	23/5	36,000
4	RTC Kelantan	Kelantan	1	17	1500	15/2	30,000
5	Dataran KEDA, Pokok Sena	Kedah	1	20	1150	25/5	23,000
6	Dataran Hidayah, Kg Pandan	Selangor	1	30	902	18/8/2019	18,040
7	Pejabat Mardi, Manir	Terengganu	1	38	2950	5/9/2019	59,000
8	Masjid Temerloh Jaya	Pahang	1	38	6300	6/9/2019	126,000
9	Kg. Rawa Lenggeng	N.Sembilan	1	23	839	10/5/2019	16,780
	Jumlah keseluruhan		15	242	26,241		524,820
	Penjimatan (13% dari hasil jualan)						68,227

3. Sebagai contoh, perbandingan harga jualan semasa program BPR di Temerloh Jaya, Pahang dengan harga pasaran di Pasar Besar Kuantan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 1

BAZAAR PEDULI RAKYAT
PERKARANGAN MASJID TAMAN TEMERLOH JAYA TEMERLOH PAHANG PADA 06
SEPTEMBER 2019

BIL	PRODUK	HARGA PASARAN RM/KG (5/9/2019)*	HARGA JUALAN BPR RM/KG	PENJIMATAN	% PENJIMATAN
1	KOBIS (BULAT)	3.00	2.80	0.20	7%
2	TOMATO	5.00	4.50	0.50	10%
3	CILI MERAH (KULAI)	15.00	12.00	3.00	20%
4	SAWI (HIJAU)	4.50	2.00	2.50	56%
5	BAYAM (HIJAU)	4.00	2.00	2.00	50%
6	BAYAM (MERAH)	5.00	2.00	3.00	60%
7	KANGKUNG	3.00	2.00	1.00	33%
8	BENDI	10.50	9.00	1.50	14%
9	PETOLA	6.00	5.50	0.50	8%
10	LABU MANIS	3.50	3.00	0.50	14%
11	TERUNG PANJANG	7.00	6.50	0.50	7%
12	TIMUN	2.50	1.50	1.00	40%
13	NANAS (MD2)	6.00	4.00	2.00	33%
14	DUKU (TERENGGANU)	5.00	3.00	2.00	40%
15	DOKONG	5.00	3.00	2.00	40%
16	BUAH JAMBU BATU	6.00	5.50	0.50	8%
17	BUAH TEMBIKAI HONEY DEW	3.00	2.50	0.50	17%
18	BUAH BETIK SEKAKI	3.00	2.00	1.00	33%
19	BUAH BELIMBING BESI	6.00	5.00	1.00	17%
20	PISANG BERANGAN	5.00	3.50	1.50	30%
21	LIMAU BALI	6.00	5.50	0.50	8%
22	UBI KAYU	4.00	3.00	1.00	25%
23	UBI KELEDEK	4.50	3.50	1.00	22%
24	PETAI (8 PAPAN)	6.00	5.00	1.00	17%
25	AYAM PROSES (STANDARD)	8.50	8.00	0.50	6%
26	IKAN SELAYANG	12.00	11.00	1.00	8%
27	IKAN PELALING	14.00	12.00	2.00	14%
28	IKAN TONGKOL	10.00	8.00	2.00	20%
29	IKAN KEMBUNG	16.00	14.00	2.00	13%
30	BAWAL HITAM	33.00	27.00	6.00	18%
31	CENCARU	14.00	12.00	2.00	14%
32	SOTONG	30.00	24.00	6.00	20%
33	UDANG	32.00	28.00	4.00	13%
34	ANAK POKOK DURIAN MUSANG KING	35.00	25.00	10.00	29%

SOALAN NO : 1

35	BAHULU CERMAI	25.00	20.00	5.00	20%
----	---------------	-------	-------	------	-----

4. Maklumat lanjut berhubung aktiviti di bawah Program My Food For Ummah (MFFU) adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Perkara
1	Jom Kongsi Rezeki	• Usahasama strategik FAMA dengan sebuah badan NGO iaitu YAYASAN PRIHATIN IHSAN • Pengagihan makanan daripada usahawan/pengunjung Bazar Peduli Rakyat & Pasar Tani terpilih • Disumbangkan kepada golongan sasar setempat yang dikenal pasti oleh pihak Yayasan.
2	Food Bank Malaysia	• Usahasama strategik FAMA dengan KPDNHEP • Pengumpulan sumbangan makanan daripada usahawan/pengunjung Pasar Tani Terpilih FAMA di dalam kawasan Lembah Kelang • Disumbangkan kepada golongan sasar melalui aktiviti pemungutan oleh ejen Pemungut yang dilantik oleh KPDNHEP.
3	Jelajah Ramadhan	• Usaha FAMA dalam membantu masyarakat setempat yang berada di sekitar program/projek/aktiviti FAMA • Pengagihan makanan yang disumbangkan oleh pihak FAMA dan usahawan FAMA menerusi aktiviti Berbuka Bersama Masyarakat Setempat
4	FAMA BersamaMU	• Usaha FAMA dalam membantu golongan Gelandangan di bandar bersama pihak NGO • Pengagihan makanan yang disumbangkan oleh FAMA dan usahawan
5	MY – Food For Ummah	• Pengedaran produk Malaysia ke pasaran antarabangsa terutama di negara-negara Timur Tengah untuk program Haji dan Umrah

SOALAN NO : 1

5. Jumlah sumbangan program Jom Kongsi Rezeki di Pasar Tani dan BPR adalah seperti berikut:

No	Lokasi	Jumlah Asnaf	Nilai Sumbangan Per Pek (RM)	Jumlah Nilai (RM)	Tarikh
1	BPR Kg Pandan, Selangor	54	70	3,780	18 Ogos 2019
2	BPR Manir, Kuala Terengganu	50	50	2,500	5 September 2019
3	BPR Temerloh, Pahang	50	30	1,500	6 September
4	Pasar Tani Guar Perahu, Pulau Pinang	50	40	2,000	11 September 2019
5	BPR Kg Pandan, Selangor	30	50	1,500	29 September 2019
6	Pasar Tani Shah Alam, Selangor	50	40	2,000	13 Oktober 2019
	JUMLAH	284		13,280	

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah alasan Kementerian meneruskan kilang Lynas di Kuantan dan apakah kesan kepada kesihatan rakyat apabila kilang ini meneruskan operasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan bertariikh 21 Oktober 2019 daripada YB Port Dickson, 24 Oktober daripada YB Bentong, 31 Oktober daripada YB Bentong, 12 November daripada YB Bentong, 27 November daripada YB Jerantut dan YB Bentong, 3 Disember daripada YB Bentong dan YB Merbok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah meluluskan pembaharuan lesen operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) selama hanya enam bulan dengan syarat yang lebih ketat daripada kerajaan lagi bagi memastikan operasi Lynas, terutamanya dari segi pengurusan sisa Lynas adalah selamat.
2. Sehingga 24 September 2019, operasi kilang Lynas telah menghasilkan residu radioaktif *Water Leached Purification* (WLP)

sebanyak 637,581 tan metrik dan buangan terjadual bukan radioaktif *Neutralisation Underflow Residue* (NUF) sebanyak 1,084,203 MT (dry basis).

3. Syarat-syarat baru ini diputuskan susulan keputusan Jemaah Menteri adalah berdasarkan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant dalam laporannya pada November 2018.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah:

- (i) Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (facility) “Cracking and Leaching” di luar negara bagi tujuan memindahkan proses tersebut yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng Kuantan, keluar dari Malaysia. Kemudahan *Cracking and Leaching* di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh 4 tahun dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan “Cracking and Leaching” mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif yang melebihi 1 Becquerel per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan. **Dengan syarat ini, Kerajaan hendak memastikan bahawa penghasilan residu radioaktif oleh operasi Lynas dihentikan dalam masa depan.**
- (ii) Lynas hendaklah:
 - a. mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility*, PDF) dan hendaklah mengemukakan kebenaran secara bertulis daripada mana-mana Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF; atau
 - b. mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu WLP ke negara tersebut;

Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

Syarat PDF akan memastikan bahawa pengurusan sisa radioaktif WLP adalah ketat dalam jangka panjang berbanding dengan penstoran sisa radioaktif WLP yang sebelum ini dibenarkan oleh kerajaan lama dalam tapak penstoran sementara *Residue Storage Facility* (RSF).

- (iii) Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*, R&D) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai *Condisoil* dalam bidang pertanian dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan “Cracking and Leaching” di luar negara mula beroperasi.
- 4. Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) secara tetap melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis Lynas. Di samping itu, kerajaan turut menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai langkah verifikasi.
- 5. Merujuk Seksyen 22 (1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), sekiranya pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen, Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom boleh membatalkan atau menggantung selama tempoh yang difikirkan patut terhadap mana-mana lesen yang dikeluarkan termasuk lesen kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

**EMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik berkenaan dengan deposit SSPN-i pada tahun 2019 berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Bagaimana dana SSPN-i ini dilaburkan semula untuk memastikan satu pulangan yang baik kepada para pendeposit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi deposit SSPN-i bagi tempoh bulan Januari sehingga September 2019 adalah sebanyak **empat ratus tujuh puluh lima perpuluhan enam juta ringgit (RM475.6 juta)** berbanding sebanyak **empat ratus perpuluhan tujuh juta ringgit (RM400.7 juta)** untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 dan **dua ratus enam puluh tiga perpuluhan tiga juta ringgit (RM263.3 juta)** untuk tahun 2017.

Pada masa yang sama PTPTN juga mempunyai produk SSPN-i Plus yang dilancarkan pada tahun 2015. Prestasi deposit SSPN-i Plus juga menunjukkan trend peningkatan. Bagi tempoh bulan Januari sehingga September 2019 adalah sebanyak **seratus enam juta ringgit (RM106 juta)** berbanding **lapan puluh enam juta ringgit (RM86 juta)** untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 dan **tiga puluh satu perpuluhan enam juta ringgit (RM31.6 juta)** untuk tahun 2017.

NO. SOALAN: 3

Pada masa kini, instrumen pelaburan yang dibolehkan untuk PTPTN melabur adalah berbentuk pelaburan jangka pendek dan sederhana di pasaran wang tempatan sahaja.

Berdasarkan prestasi pelaburan sedia ada, PTPTN berupaya untuk menyediakan kadar dividen sebanyak empat (4) peratus atau lebih setahun secara konsisten kepada pendeposit untuk tempoh lima tahun terkini iaitu 2014 hingga 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan faktor kemunculan Paus Orca (paus pembunuh) di perairan Kerteh berhampiran dengan Pelantar Dulang Petronas dan adakah kehadiran paus ini akan mengancam sumber perikanan negara jika perairan tersebut berkembang menjadi laluan paus-paus ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Paus Orca atau lebih dikenali sebagai *killer whale* merupakan spesis terbesar dalam keluarga ikan lumba-lumba dan kebiasaannya ditemui di kawasan dingin seperti Lautan Artik. Paus spesis ini adalah pemangsa dalam rantai pemakanan ekosistem lautan dan kebiasaannya memburu dan memakan ikan, sotong, penyu, burung laut dan lain-lain.
2. Berdasarkan laporan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, spesis yang muncul di perairan Terengganu pada 16 Julai 2019, dikenal pasti daripada sub-spesis Paus Pilot Sirip Pendek. Spesis tersebut sentiasa bergerak dalam kumpulan populasi yang banyak antara 10 hingga 50 ekor dan dipercayai menjadikan Laut China Selatan sebagai laluan migrasi ekor an musim sotong pada ketika itu.
3. Paus Orca disenaraikan dalam spesis mamalia akuatik terancam dan dilindungi di bawah penguatkuasaan Seksyen 27, Akta Perikanan 1985. Seekor paus spesies ini pernah direkodkan mati terdampar di Sarawak pada tahun 2013. Pasukan Petugas Kebangsaan Kadamparan Mamalia Marin telah ditubuhkan pada tahun 2009 yang disertai oleh agensi kerajaan, badan berkanun, masyarakat nelayan, universiti dan NGO yang berkaitan bagi menggerakkan usaha menyelamatkan mamalia marin terdampar di Malaysia.
4. Kemunculan Paus Orca ini tidak mengancam sumber perikanan negara kerana migrasi spesis ini adalah tidak kerap dan bukan dalam populasi yang signifikan. Kementerian melalui FRI boleh menjalankan kajian untuk mengkaji corak migrasi mamalia ini sekiranya ada keperluan.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT PEGAWAI

Disediakan oleh : Liyana binti Mohd Rafek
Jawatan : Penolong Setiausaha
Bahagian : ITTP, MOA
No. Telefon : 03-88701333

Disemak oleh : Nor Azirah binti Abdul Ghani
Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian : ITTP, MOA
No. Telefon : 03-88701412

Disemak oleh : Ram Singh A/L Hari Singh
Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian : ITTP, MOA
No. Telefon : 03-88701413

Disahkan oleh : Dr. Hanisah binti Hussin
Jawatan : Setiausaha Bahagian
Bahagian : ITTP, MOA
No. Telefon : 03-880701418

Disahkan oleh : Dato' Salim bin Parlan
Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan)
No. Telefon : 03-88701017

Diluluskan oleh : Dato' Mohd Sallehhuddin bin Hassan
Jawatan : Ketua Setiausaha
No. Telefon : 03-88701014

MAKLUMAT TAMBAHAN

Dari tahun 2005 hingga 2016, terdapat 21 kejadian kedamparan Ikan Paus di Malaysia iaitu Sabah (9 kejadian), Sarawak (3 kejadian), Selangor (1 kejadian), Pahang (2 kejadian), Johor (2 kejadian), Terengganu (3 kejadian) dan Kedah (1 kejadian).

BIL	TARIKH	LOKASI	SPESES
1	10.02.2005	Tanjung Aru, Sabah	<i>Balaenoptera edeni</i>
2	15.03.2005	Pulau Carey, Selangor	<i>Balaenoptera borealis</i>
3	15.12.2006	Lok Ukong, Pulau Gaya, Sabah.	<i>Balaenoptera edeni</i>
4	07.04.2008	Sg. Ular, Pahang	<i>Balaenoptera edeni</i>
5	14.10.2008	Kg. Nenasi, Rompin, Pahang	<i>Balaenoptera edeni</i>
6	20.01.2009	Batu Buruk, Terengganu	<i>Kogia breviceps</i>
7	00.01.2010	Pulau Mengalum, Sabah	Bangkai telah reput susah untuk kenalpasti spesies
8	18.05.2010	Dungun, Terengganu	<i>Kogia sp</i>
9	00.12.2010	Pulau Gaya, Sabah	Bryde
10	10.02.2011	Pulau Sayak, Kedah	<i>Balaenoptera edeni</i>
11	10.01.2012	Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah.	<i>Feresa attenuata</i>
12	12.02.2012	Pulau Mengalum, Sabah.	<i>Balaenoptera edeni</i>
13	02.08.2012	Kuala Penyu, Sabah	Bryde
14	17.06.2013	Kota Belud, Sabah	Bangkai telah reput susah untuk kenalpasti spesies
15	31.12.2013	Pantai Leman Seri, Johor	Bangkai telah reput susah untuk kenalpasti spesies
16	31.12.2013	Pantai Pasir Panjang, Sarawak	<i>Globicephala macrorhynchus</i>
17	16.1.2014	Pantai Kuala Tatau, Bintulu, Sarawak	<i>Balaenoptera edeni</i>

BIL	TARIKH	LOKASI	SPESES
18	12.12.2015	Bintulu , Sarawak	<i>Cuvier Beaked Whale</i>
19	24.12.2015	Labuan, Sabah	Paus Kelasa
20	28.1.2016	Pantai Beting Lintang, Besut, Terengganu	<i>Melon Whale</i>
21	9.2.2016	Sungai Sarang Buaya, Semerah, Batu Pahat, Johor	<i>Balaenoptera borealis</i>

Pasukan Petugas Kebangsaan Kedamparan Mamalia Marin

1. Pada tahun 2009, Jabatan Perikanan Malaysia telah menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan Kedamparan Mamalia Marin. Tujuan penubuhan Pasukan Petugas ini untuk meningkatkan kerjasama di kalangan agensi kerajaan, badan bukan, masyarakat nelayan, universiti dan NGO yang berkaitan bagi menggerakkan usaha menyelamatkan mamalia marin terdampar di Malaysia.
2. Agensi yang terlibat dalam Pasukan Petugas Kebangsaan adalah Jabatan Perikanan, Jabatan Bomba, APMM, PDRM, JPAM, Jabatan Taman Laut, Tentera Udara, Jabatan Veterinar, UPM, UMT, USM, UMS, Perbadanan Perhutanan Sarawak, Jabatan Hidupan Liar Sarawak dan NEKMAT (wakil masyarakat nelayan).
3. Segala aktiviti menyelamatkan dan bedah siasat dikawal selia oleh Jabatan Perikanan Malaysia sebagai Pengerusi Pasukan Petugas tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU
KAWAN)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu di Malaysia yang tiada sijil lahir, pemegang kad pengenalan merah dan MyKad, mengikut pecahan jantina, umur, dan etnik serta berapakah permohonan kewarganegaraan yang telah dimasukkan, bilangan yang dalam proses, bilangan yang sudah lulus serta yang ditolak dari tahun 2014 sehingga kini dan apakah langkah Kementerian untuk mencegah sindiket penjualan MyKad yang ditumpaskan baru-baru ini yang dipercayai telah beroperasi selama 3 atau 4 tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan lima soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan dan kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing. Yang Berhormat yang bertanya adalah Yang Berhormat Parit bertarikh 6 November 2019, Yang Berhormat Kuala Terengganu bertarikh 18 November 2019, Yang Berhormat Gerik bertarikh 18 November 2019, Yang Berhormat Tapah bertarikh 18 November 2019 dan Yang Berhormat Ketereh bertarikh 27 November 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara hanya menyimpan rekod bagi individu yang mendaftar di Jabatan Pendaftaran Negara bagi urusan kelahiran dan kematian, kad pengenalan, kewarganegaraan dan perkahwinan dan perceraian bagi yang bukan beragama Islam.

Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara tidak merekodkan individu yang tidak memiliki sijil kelahiran. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 264,192 orang memegang kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR). Perincian kepada pemegang MyPR mengikut jantina dan umur adalah seperti mana berikut:

Jantina :

Lelaki - 166,116

Wanita - 98,076

Julat umur adalah seperti berikut:

12 sehingga 20 tahun - 2,865

21 sehingga 59 tahun - 162,856

60 tahun dan ke atas - 98,471

SOALAN: 5

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, status etnik dan keturunan bagi pemegang MyPR adalah ditentukan mengikut negara asal pemohon. Berdasarkan pasport dan juga permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Justeru, bagi tempoh yang sama etnik pemegang MyPR mengikut pecahan tiga Negara asal yang tertinggi adalah seperti berikut:

Indonesia - 135,701

Filipina - 38,131

Republik India - 10,283

Manakala bagi tempoh dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 81,133 orang permohonan kewarganegaraan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13,151 permohonan telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia manakala 57,236 permohonan sedang diproses, dan 10,746 permohonan tidak diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pengeluaran kad pengenalan pula, dari tahun 2014 sehingga 30 September 2019, sebanyak 23,034,903 orang memegang kad pengenalan warganegara Malaysia. Perincian pemegang MyKad mengikut jantina, umur dan etnik adalah seperti mana berikut:

Lelaki - 11,543,827

Wanita - 11,491,076

Julat mengikut umur adalah seperti berikut:

12 sehingga 20 tahun - 4,137,879

21 sehingga 59 tahun - 15,500,729

60 tahun dan ke atas - 3,396,295

Mengikut etnik:

Melayu - 12,259,417

Cina - 6,066,328

Lain-lain etnik - 3,019,023

India - 1,690,135 orang.

SOALAN: 5

Manakala bagi tempoh dari tahun 2017 sehingga 3 Oktober 2019 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran MyKad kali pertama 12 tahun di seluruh negara mengikut tahun adalah seperti mana berikut:

2017 - 461,147

2018 - 460,559

2019 - 323,583

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa kerangka perundangan sedia ada berkaitan dengan kewarganegaraan iaitu berdasarkan kepada Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Citizenship Rules 1964 dengan izin, serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak, peraturan imigresen, dan lain-lain adalah cukup berkesan dalam memastikan tadbir urus yang saksama dan teratur.

Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan perundangan baharu atau meminda Perlembagaan Persekutuan. Kementerian Dalam Negeri telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard ataupun SOP permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(a) Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur di bawah 21 tahun. SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan. Inilah sebenarnya sebelum ini disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana kalau boleh setiap penolakan itu perlu ada sebab-sebabnya.

Manakala bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon adalah diteliti secara case by case mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi

SOALAN: 5

pengeluaran keputusan dan of course kita di peringkat kementerian ini, khususnya di bawah Jabatan Pendaftaran Negara akan cuba secepat yang mungkin, sedaya yang mungkin bagi memastikan agar permohonan ini dapat kita mempercepatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Citizenship Rules 1964 serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Berhubung dengan penambahbaikan Jabatan Pendaftaran Negara, satu mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 18 September 2019 dan memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi mengemas kini sistem penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara termasuk memperketat prosedur pengendalian standard sedia ada JPN seperti berikut:

(i) kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian tahun 1957, Akta 299. Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian tahun 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123) kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai ahli panel;

SOALAN: 5

(ii) meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di Jabatan Pendaftaran Negeri termasuk terhadap vendor yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang ditetapkan;

(iii) menambahbaikkan aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada sistem atasan;

(iv) menukar penempatan pegawai JPN secara pusingan atau rotation dengan izin, bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua tahun untuk minimumkan salah guna kuasa;

(v) menyemak dan mengemas kini data rekod kelahiran kematian dan kad pengenalan di bawah pangkalan sistem JPN bagi mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan; dan

(vi) untuk jangka masa panjang, JPN meneliti cadangan agar diwujudkan bank data ataupun DNA atau kaedah-kaedah biometrik lain untuk dimasukkan dalam sijil kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah diberikan kuasa sepenuhnya untuk menyiasat secara menyeluruh kes ini agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa.

Sehubungan dengan itu, buat masa ini, saya ulang sekali lagi, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes berkenaan, tetapi in the future kita tidak tahu, bergantung kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULUNG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 6

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulung] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Modul Keibubapaan Datuk Nenek yang baru dilancarkan baru-baru ini boleh beri manfaat dan faedah kepada generasi muda dan berapakah anggaran kos yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian menyedari akan pentingnya peranan datuk nenek dalam sistem sokongan institusi keluarga. Datuk nenek sebagai warga emas merupakan aset negara kerana mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman yang ada pada mereka.

Justeru, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) telah melancarkan modul Keibubapaan Datuk Nenek pada 24 Ogos 2019 bertempat di Aman Sentral Alor Setar Kedah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Modul ini bertujuan membantu datuk dan nenek untuk memberi sokongan nilai kekeluargaan kepada generasi cucu cicit mereka. Latar belakang program ini dibangkitkan dalam sidang parlimen yang

lepas tahun 2013 oleh NGO warga emas yang menggesa LPPKN untuk mengadakan modul seperti ini.

Modul keibubapaan datuk nenek ini memberi fokus kepada peranan datuk nenek sebagai tunggak nilai keluarga dalam sebuah keluarga serta sistem sokongan yang menjadi rujukan, tempat cucu bermanja dan penerusan intergenerasi.

Objektif utama modul ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peranan datuk nenek dalam menjamin kesejahteraan keluarga. Pengisian modul ini dilaksanakan secara bengkel interaktif separuh hari atau satu hari, yang menyentuh memahami peranan datuk nenek dan memperkasa potensi diri secara aktif dan produktif, amalan dan cara gaya keibubapaan datuk nenek serta meningkatkan kesejahteraan warga emas dan kesepaduan antara generasi, komunikasi dengan cucu mereka. Modul ini dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) JKM serta NGO warga emas. Diharap lebih banyak NGO tampil mengikuti modul ini bersama LPPKN nanti.

Sehingga tahun ini, sebanyak 15 program telah dilaksanakan di mana seramai 437 orang warga emas telah mendapat manfaat ini. Modul Keibubapaan Datuk Nenek ini memperkenalkan transformasi konsep dan peranan datuk nenek dalam alaf baharu.

Berdasarkan daripada penilaian pra dan pasca program mendapati para peserta amat berpuas hati dan merasa gembira dan menyatakan modul ini dapat membantu mereka memahami dan berkomunikasi dengan anak cucu mereka. Dalam hal berkaitan kos, pelaksanaan program ini memerlukan kos yang minimum dan hanya melibatkan makan minum sahaja kerana melibatkan pusat aktiviti warga emas sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar mengenai kemudahan dan infrastruktur Kolej Matrikulasi Labuan (KML) yang uzur dan menyedihkan memerlukan peruntukan segera bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada pelajar dan warga KML.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam memastikan fasiliti yang disediakan dalam keadaan yang terbaik agar pelajar dapat belajar dalam suasana yang kondusif. Kolej Matrikulasi Labuan telah beroperasi mulai tahun 1999 dan telah berusia 20 tahun. Setiap tahun, penyelenggaraan berkala dan penyelenggaraan pembaikan telah dilaksanakan bagi memanjangkan hayat bangunan dan mengelakkan kerosakan yang lebih teruk kepada fasiliti serta memastikan keselamatan dan keselesaan pelajar di kolej berkenaan.

Sepanjang tahun 2015 sehingga 2019, KPM telah membelanjakan sejumlah **tujuh juta lapan ratus dua puluh lapan ribu dan dua puluh ringgit (RM7,828,020.00)** untuk menyelenggara Kolej berkenaan. Selain daripada itu, KPM juga menyediakan peruntukan khas bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang telah dirancang pada tahun semasa (Tahun 2019) serta pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan (Tahun

NO. SOALAN: 7

2020) yang kesemuanya dianggarkan sebanyak **empat perpuluhan enam lima dua juta ringgit (RM4.652 juta)**. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja bagi tempoh 2019 dan 2020 ini akan dilaksanakan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **satu perpuluhan tujuh juta ringgit (RM1.7 juta)** diperuntukkan untuk penyelenggaraan sistem perpaipan Kolej Matrikulasi Labuan. Proses perolehan telah disempurnakan oleh pihak JKR dan kerja akan dimulakan pada tahun 2020. Manakala baki peruntukan iaitu sebanyak **dua perpuluhan sembilan lima dua juta ringgit (RM2.952 juta)** akan digunakan untuk penyelenggaraan aset-aset lain di kolej tersebut.

Selain itu, KPM juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak **enam ratus empat puluh satu ribu dan dua puluh ringgit (RM641,020.00)** kepada Kolej Matrikulasi Labuan bagi tujuan pembelian aset pada tahun 2017-2019. Kerajaan akan dan sentiasa prihatin dalam memastikan fasiliti yang disediakan dalam keadaan baik dan pelajar dapat belajar dalam keadaan yang selamat dan suasana yang kondusif. Kesemua peruntukan ini memberi manfaat kepada hampir 3000 warga Kolej Matrikulasi Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 21.10.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan menyatakan langkah pencegahan penjualan '*Ghost Smoke*' dalam negara khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku Kementerian yang bertanggungjawab melindungi hak-hak pengguna menyedari akan kebimbangan ibu bapa berhubung penjualan gula-gula *Ghost Smoke* di kalangan pelajar sekolah. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mencegah penjualan gula-gula *Ghost Smoke* dalam negara antaranya adalah:
 - a) menggerakkan anggota penguatkuasa di seluruh negara untuk menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan ke atas premis yang berpotensi menjual gula-gula *Ghost Smoke*;
 - b) membuat hebahan dan publisiti bagi setiap operasi yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan amaran kepada para peniaga yang lain supaya tidak menjual gula-gula berkenaan; dan
 - c) berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui perkongsian maklumat risikan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik ibu tunggal muda yang berdaftar dengan Kementerian. Nyatakan skim-skim yang diwujudkan khususnya bagi membantu ibu tunggal muda ini oleh kerana permohonan mereka untuk bantuan sara hidup daripada Kementerian sering kali ditolak atas alasan faktor umur muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah merekodkan pendaftaran ibu tunggal dalam Sistem iWanita secara sukarela bagi yang berminat untuk mengikuti program-program di bawah Jabatan ini. Statistik ibu tunggal dalam sistem iWanita dari tahun 2012 hingga 2018 adalah seramai 78,940 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 44,169 orang adalah ibu tunggal muda yang berumur antara 15 hingga 35 tahun. Walau bagaimanapun, statistik tersebut tidak menggambarkan keseluruhan jumlah ibu tunggal di Malaysia dan jumlah tersebut hanya berdasarkan rekod penyertaan mereka ke program-program yang dijalankan di bawah JPW.

JPW telah melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) yang merupakan satu program yang disusun semula dengan

memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuklah ibu tunggal tanpa mengira kategori umur terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada tiga (3) bidang utama iaitu:

- i. Bidang **Community-Based Enterprise (CBE)** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii. Bidang **Psiko-pendidikan (substantif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii. Bidang **Pengupayaan (empowerment)** untuk aspek pembangunan keupayaan.

PACBE ini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan wanita dan sekurang-kurangnya 30% ibu tunggal. Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 521 PACBE dilaksanakan melibatkan seramai 9,131 orang peserta yang turut merangkumi ibu tunggal muda.

Selain daripada itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut melaksanakan program MamaCare, iaitu perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan, bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Pada tahun 2018, seramai 20 orang peserta yang terlibat manakala sehingga 30 September 2019, seramai 140 peserta yang turut merangkumi ibu tunggal muda telah terlibat dalam program ini.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan seperti Skim Bantuan Kanak-kanak, iaitu dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan yang dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu /

bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka. Skim ini membantu meringankan beban keluarga miskin atau ibu bapa tunggal buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri khas untuk golongan wanita termasuk ibu tunggal bagi membantu meningkatkan simpanan suri rumah di hari tua. Sehingga 15 September 2019, seramai 98,619 peserta telah memperoleh manfaat daripada program bantuan bersasar ini, iaitu mendapat insentif khas berjumlah RM40 sebulan atau RM480 setahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO HASBULLAH B. OSMAN (GERIK)

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pelancong dari luar negara yang telah masuk ke dalam negara tetapi masih belum keluar yang telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia terutama rakyat asing yang datang dari Tanah Besar China, Hong Kong, Taiwan, India, Pakistan dan Bangladesh.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat isu penjumlahan pendatang asing tanpa izin yang tinggi di negara ini. Ini termasuklah warganegara asing yang berada di Malaysia melebihi had tempoh yang dibenarkan. Isu ini, jika tidak ditangani secara berhemah, boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi mahupun politik negara. Berdepan realiti ini, Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa melaksanakan operasi-operasi bersepadu yang melibatkan perkongsian sumber dan maklumat risikan bagi menangani isu pendatang asing tanpa izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 13,279 operasi telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan seramai 39,178 orang PATI dan 978 orang majikan pada tahun 2019 iaitu dari 1 Januari sehingga 26 September 2019. Daripada jumlah keseluruhan tangkapan PATI tersebut, seramai 6,101 orang telah melakukan kesalahan tinggal di negara ini melebihi tempoh pas ataupun permit yang dikeluarkan kepada mereka di bawah seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat secara khusus, jumlah tangkapan PATI bagi tahun 2019 mengikut pecahan warganegara yang dipohon adalah seperti berikut:

Bangladesh - 707

India - 409

China - 165

Pakistan - 156

Dari segi statistik yang lengkapnya, mungkin saya boleh beri secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua, kerana terlalu panjang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam meringankan kos sara hidup golongan petani dan peladang terutamanya di pedalaman Sabah dan adakah Kementerian bercadang meneruskan program Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai usaha untuk meringankan kos sara hidup golongan petani dan peladang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan/ Agensi telah pun menyediakan **pelbagai bentuk bantuan dalam meringankan kos sara hidup** kepada golongan sasaran.
2. Kementerian telah menyediakan **bantuan kepada golongan sasaran melalui pembiayaan kos pembukaan / penyediaan kawasan dan kos input pertanian seperti bahan tanaman, baja dan peralatan ladang**. Pada masa yang sama, **khidmat nasihat daripada pegawai pengembangan juga dilakukan secara berterusan**. Dengan demikian, para petani dan peladang ini dapat dibimbing dan dipantau pencapaian mereka.
3. MOA juga di bawah inisiatif Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) bertindak sebagai ketua kluster makanan memberi fokus kepada usaha menambahbaik bekalan makanan segar agar mencukupi, stabil dan selamat untuk dimakan. Penekanan MOA ialah kepada meningkatkan pengeluaran agromakanan supaya dapat menstabilkan harga pasaran di sepanjang rantai pembekalan dan pemasaran makanan bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Oleh itu, di bawah pelan tindakan sara hidup negara yang sedang dibangunkan oleh Sekretariat NACCOL KPDNHEP, MOA menumpukan kepada pelaksanaan program dan inisiatif dalam menyumbang kepada harga makanan yang lebih berpatutan

dan kompetitif untuk rakyat. Pada masa yang sama, MOA memastikan kebajikan petani, penternak dan nelayan yang kebanyakannya adalah dalam golongan B40 turut diambilkira.

4. Antara program yang telah dirangka dan dilaksanakan untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai sumber pendapatan yang tetap dan menguntungkan adalah seperti:
 - i. Program Sumber Kekayaan Baharu (SKB) menerusi Program Pembangunan Industri Ruminan, kelapa, durian, nanas dan jagung bijian;
 - ii. Pembangunan Industri Hiliran;
 - iii. Projek Pertanian Rakyat
5. Seterusnya, dimaklumkan juga bahawa **Program Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP)** telah dilaksanakan di bawah MOA melibatkan 222 kawasan Parlimen dengan kos keseluruhan sebanyak RM44.3 juta sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Walau bagaimanapun, bagi RMKe-11 tiada peruntukan diberikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Sehubungan itu, Kementerian tidak lagi bercadang untuk meneruskan program MPPP.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
KAWASAN : TENGGARA
TARIKH : 21 OKTOBER 2019
NO. SOALAN : 12. PR-1423-L05922

SOALAN

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan Malaysia di dalam tangga kedudukan 'Global Competitive Index', dan apakah usaha 'Invest Malaysia' untuk graduan tenaga mahir yang berkemahiran tinggi di negara ini supaya dapat memenuhi permintaan syarikat multinasional yang memerlukan mereka untuk menyumbang kepada usaha Kerajaan menaikkan tangga kedudukan GCI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa *World Economic Forum (WEF)* melalui laporan terkini *Global Competitiveness Report (GCR) 2019* menobatkan Malaysia sebagai ekonomi ke-27 paling berdaya saing di kalangan 141 ekonomi di dunia. Di rantau ASEAN pula, Malaysia mendahului negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei (kecuali Singapura).

2. Laporan ini menilai faktor-faktor yang membolehkan sesebuah negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam jangka panjang melalui 12 teras daya saing iaitu Institusi, Infrastruktur, Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kestabilan Ekonomi Makro, Kesihatan, Pendidikan dan Kemahiran, Pasaran Barangan, Pasaran Buruh, Sistem Kewangan, Saiz Pasaran, Dinamisme Perniagaan dan Keupayaan Inovasi yang kesemuanya melibatkan 103 indikator.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi teras Pendidikan dan Kemahiran di bawah laporan GCR 2019, Malaysia berada di kedudukan ke-30 di antara 141 ekonomi. Salah satu indikator utama dan penting yang dinilai menerusi teras ini adalah Set Kemahiran Graduan (*Skillset of Graduates*) yang mana Malaysia berada di tempat ke-17 daripada senarai 131 indikator bagi pengukuran laporan GCR. Indikator ini mengukur sejauh mana pelajar lepasan pendidikan menengah dan universiti mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh perniagaan. Malah, indikator utama lain seperti latihan kakitangan, kemahiran digital, pencarian pekerja mahir dan kualiti latihan vokasional juga turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya di mana Malaysia berada di kedudukan masing-masing ke-8, 10, 11 dan 12.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seiring dengan usaha untuk meningkatkan tenaga mahir di Malaysia, MITI menerusi pelbagai agensi di bawahnya giat melaksanakan program-program yang mampu menyumbang kepada usaha ini samada secara langsung dan tidak langsung. Bagi maksud ini, InvestKL sebagai contoh telah memperkenalkan Program Bakat Global Malaysia bagi melahirkan bakat-bakat atau tenaga mahir tempatan yang mampu meningkatkan kebolehpasaran dan memenuhi kehendak syarikat-syarikat multinasional.

5. Program Bakat Global Malaysia menghubungkan syarikat multinasional yang mempunyai hab serantau dalam pelbagai sektor

strategik, dengan universiti-universiti di Malaysia. Malah, program ini turut memperhebatkan aktiviti sedia ada yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi seperti program Dua Tahun Universiti dan Dua Tahun Industri (2U2I), CEO@Faculty yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat ternama di Malaysia di mana mereka dilantik sebagai profesor jemputan di universiti dan program-program latihan di ibu pejabat syarikat multinasional. Bagi tenaga mahir di peringkat eksekutif, program rakan pembimbing (*mentoring*) dengan pihak pengurusan dan *leadership bootcamp* turut diperkenalkan. Sehingga September 2019, seramai 10,577 bakat tempatan telah terlibat di dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan di bawah Program Bakat Global Malaysia.

6. Selain itu, InvestKL turut bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam membangunkan Program Pembangunan Tenaga Mahir Berterusan (*Continuous Talent Development Program*) yang melibatkan tenaga mahir sedia ada. Program ini akan dilaksanakan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi memantapkan kemahiran melalui latihan amali dan pembelajaran teori.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Usaha-usaha ini telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dan mendapat pengiktirafan daripada *Institut Européen d'Administration des Affaires* (INSEAD) melalui laporan *Global Talent Competitive Index (GTCI) 2019*. Dalam laporan ini, Malaysia berada di kedudukan ke-27 di peringkat dunia dan ke-3 terbaik di rantau Asia, selepas Singapura dan Jepun. Tahap daya saing bakat-bakat di Malaysia juga didapati adalah lebih baik dari negara-negara maju lain seperti Korea (30), China (45), Italy (38) dan Sepanyol (31).

8. Bagi memastikan negara terus berdaya saing dan meningkatkan keupayaan serta penyertaan tenaga mahir dalam syarikat-syarikat multinasional, MITI melalui agensi-agensi dibawahnya akan terus berusaha dan bekerjasama erat dengan pelbagai Kementerian, Agensi, institusi pendidikan dan juga sektor swasta. Di samping itu, MITI juga akan sentiasa berusaha menambahbaik program-program bina upaya untuk rakyat Malaysia, seiring dengan peredaran ekonomi digital dan revolusi industri ke-4. Sememangnya inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan ke arah menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara secara inklusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai sebarang inisiatif khusus untuk memastikan bahawa graduan-graduan cemerlang memilih untuk menjadi pensyarah di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang berat soal kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bahkan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa tenaga pengajar di IPTA terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang dan komited untuk mendidik anak bangsa.

Pihak KPM mendokong usaha untuk memastikan bahawa graduan-graduan cemerlang memilih untuk menjadi pensyarah di universiti-universiti tempatan melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (SLAI).

NO. SOALAN: 13

Selain daripada itu, pihak universiti turut diberi autonomi dalam membuat pemilihan dan pelantikan pensyarah di universiti masing-masing mengikut sasaran bidang, keperluan dan halatuju universiti tersebut.

Antara contoh inisiatif yang terdapat di universiti awam adalah seperti Skim Pelajar Holistik UPSI di mana pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum dan mempunyai nilai tambah yang lain bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Seterusnya ditawarkan ke PhD sebelum ditawarkan menjadi pensyarah setelah tamat dengan jayanya. Calon tersebut juga akan mendapat kemudahan seperti pembiayaan yuran pengajian kolej kediaman dan elaun sara hidup berjumlah **lapan ratus ringgit (RM800.00)** sebulan.

Di Universiti Sains Malaysia (USM) program seumpama ini dinamakan *Assistant Staff Training Scheme* (ASTS). Sistem ini terbuka kepada semua pelajar cemerlang dengan PNGK 3.67 ke atas. Pihak USM akan membuat pemilihan terhadap calon-calon yang tersenarai pendek. Calon yang berjaya akan ditawarkan penyelidik secara kontrak / dilantik fellow pasca-doc.

Kita mengharapkan inisiatif-inisiatif seumpama ini akan dapat dipergiat dan diperluaskan oleh universiti awam dalam melonjakkan potensi diri sekaligus menyumbang ke arah kecemerlangan Akademia negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KE-14 PENGGAL KEDUA MESYUARAT KETIGA 2019**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI

[KAPIT]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

NO. SOALAN : 14. PR-1423-L06331

SOALAN

YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak setahun lalu, iaitu dalam tempoh Jun 2018 hingga Ogos 2019, jelaskan berapa banyak unit serta nilai dalam mata wang Ringgit Malaysia jualan kereta jenama PROTON yang telah dieksport ke negara asing.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi 8 bulan pertama tahun ini, PROTON telah mencatat jumlah jualan kenderaan sebanyak 61,235 unit, peningkatan sebanyak 36% berbanding tempoh sama tahun 2018. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Automotive Association* (MAA), jualan kenderaan jenama PROTON telah menduduki tempat kedua bagi segmen jualan kenderaan penumpang dari Januari hingga Ogos 2019. Peningkatan jumlah jualan ini didorong faktor pengenalan X70 bermula pada tahun 2018 serta pembaharuan model-model sedia ada seperti Saga, Exora, Iriz dan Persona pada 2019.

Bagi tempoh Jun 2018 hingga Ogos 2019, PROTON telah mengeksport sebanyak 1,635 unit kenderaan PROTON, terutama bagi model Gen 2, Preve dan Persona dengan nilai eksport bernilai RM55.1 juta. Pasaran eksport utama adalah Brunei, Mauritius, Jordan, Pakistan, Iraq, Zimbabwe dan Mesir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluas penuaian dan penggunaan tenaga solar (*solar farm*) seperti yang telah dibina dan di '*commisioned*' di Kudat pada tahun 2018. Adakah projek ini berdaya maju dan berpotensi besar untuk dimajukan secara meluas dan ekonomikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek Jana Kuasa Solar Berskala Besar atau LSS yang dibangunkan oleh Tadau Energy Sdn. Bhd. dengan kapasiti sebanyak 50 Megawatt di Kudat, Sabah telah mula menjana dan menjual tenaga elektrik kepada grid melalui Sabah Energy Sdn. Bhd. mulai tahun 2018. Pelaksanaan projek ini telah memberikan manfaat ekonomi dan sosial kepada penduduk tempatan dengan

menyediakan peluang pekerjaan kepada 200 orang rakyat tempatan di pelbagai peringkat pembangunan serta pengoperasian stesen jana kuasa ini.

2. Kerajaan akur bahawa penjanaan tenaga elektrik melalui sumber Tenaga Boleh Baharu termasuk melalui pelaksanaan Projek Jana Kuasa LSS merupakan alternatif yang berdaya maju dan lebih kos efektif berbanding penjanaan tenaga daripada bahan api diesel. Sehubungan itu, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menggantikan loji jana kuasa diesel di Pantai Timur, Sabah dengan loji jana kuasa solar. Ini disebabkan kos penjanaan solar adalah lebih rendah berbanding diesel dan terdapat keperluan yang kritikal untuk membekalkan tenaga elektrik ke Pantai Timur, Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

- a. apakah respon yang telah diperoleh oleh Kementerian daripada para petani berkenaan cadangan Kerajaan untuk menggabungkan sawah sebagai salah satu langkah untuk menghapuskan kemiskinan para pesawah ; dan
- b. apakah jaminan Kementerian pemilik tanah tidak akan kehilangan aset mereka sekiranya cadangan penyatuan petak sawah bagi kerja-kerja penanaman padi direalisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan penyatuan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Cadangan penyatuan tanah ini bukan sahaja dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti hasil, tetapi yang lebih utama juga adalah bahawa manfaat daripadanya harus diraih oleh kelompok tuan tanah dan pesawah yang terlibat itu, selain juga kepentingan Kerajaan sendiri. Faktor kejayaan utama bagi

penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat. Sekiranya sokongan diperoleh daripada pemilik tanah dan pesawah terhadap cadangan ini maka sebarang model yang akan diperkenalkan kelak akan dapat dilaksanakan tanpa halangan.

2. Konsep pengurusan tanah ini melibatkan pengurusan ladang dari peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat atau koperasi. Cadangan ini dibuat bagi memastikan pengurusan yang lebih cekap dengan ladang bersaiz ekonomi (*economic of scale*) memandangkan didapati kebanyakan sawah yang diusahakan dalam skala kecil sukar untuk meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan pesawah; selain menyukarkan pengurusan ladang dan pengurusan bantuan dilaksanakan.

Kaedah pulangan kepada pesawah samada dalam bentuk kerjasama strategik, pembayaran secara langsung dalam bentuk sewaan atau pajakan, perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau seumpamanya masih dalam penelitian lagi. Libat urus akan dilakukan bagi memastikan pesawah dan pemilik tanah memahami konsep pelaksanaan model ini.

3. Kerajaan sentiasa memastikan pemilik tanah diberi keutamaan dan tidak perlu bimbang atas kehilangan aset mereka sekiranya cadangan penyatuan petak sawah bagi kerja-kerja penanaman padi direalisasikan. Konsep penyatuan tanah yang dilaksanakan bersama pesawah adalah dalam tempoh yang dipersetujui dan tidak melibatkan sebarang pertukaran hak milik tanah mahupun perubahan batas persempadanan tanah hak milik. Pemilik tanah (pesawah) kekal memiliki tanah mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
[BELURAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

NO. SOALAN : 17. PR-1423-L06521

SOALAN

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah intipati perjanjian perdagangan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan memberi manfaat kepada Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Beluran berserta soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kepala Batas pada 31 Oktober 2019 kerana kedua-dua soalan itu menjurus kepada perkara yang sama iaitu Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP).

Tuan Yang di-Pertua,

2. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India.

3. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan telah diadakan dan sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 11 bab atau *Working Groups*, dengan izin iaitu:

- i. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- ii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iii. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF)
- iv. *Institutional Provisions*;
- v. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- vi. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vii. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan;
- viii. Perkhidmatan Telekomunikasi (TEL);
- ix. Hak Harta Intelek (IPR);
- x. Isu Undang-Undang dan Institusi (LII), dan
- xi. Perdagangan Barangan (TIG),

Tuan Yang di-Pertua,

4. RCEP dapat memberi banyak manfaat kepada Malaysia. Antara faedah yang boleh saya nyatakan di sini adalah peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap FTA ASEAN dapat diselaraskan dengan lebih teratur di bawah RCEP. Sektor swasta berpandangan bahawa penyelarasan prosedur dibawah RCEP adalah penting kerana perbezaan prosedur akan menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN. Perbezaan prosedur juga melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan.

5. Selain itu, RCEP menyediakan peluang untuk memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari pelbagai sumber negara ahli RCEP yang boleh digunakan dalam perkiraan bagi pematuhan kepada Peraturan Tempasal atau dengan izin, *Rules of*

Origin (ROO). ROO merupakan kaedah yang digunakan bagi menentukan produk yang dihasilkan dapat menikmati tarif berkeutamaan di bawah RCEP. Hal ini penting untuk meningkatkan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP.

6. RCEP juga dapat membantu integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rantaian nilai global (*global supply chain*) yang merupakan satu keperluan bagi syarikat-syarikat dirantau ini untuk lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, dan seterusnya berkembang menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);

7. Seterusnya RCEP memberi peluang bagi Malaysia dan negara-negara ASEAN lain untuk meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan ke pasaran yang besar di Republik Rakyat China dan India. Sehingga kini belum ada sebarang perjanjian perdagangan bebas yang menghubungkan kedua-dua negara besar ini kecuali RCEP.

8. Akhir sekali, Malaysia juga akan menikmati akses dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana masih terdapat peluang pasaran eksport yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh peniaga-peniaga Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN B. IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membendung masalah pelancong asing yang mengahwini rakyat tempatan dengan harapan untuk mendapatkan kerakyatan dan adakah perkara ini di dalangi oleh sindiket tertentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasangan kepada warganegara Malaysia boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian di bawah Perkara 15(1) atau Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta lain-lain perundangan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, dan keberadaan yang sah.

Setiap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon kewarganegaraan Malaysia akan diteliti sewajarnya bagi memastikan pemohon memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan seperti mana berikut:-

- a. Suami kepada wanita warga asing berkenaan bertaraf warganegara Malaysia;
- b. Perkahwinan masih wujud dan berterusan;
- c. Pemohon telah memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) sebelum tarikh permohonan dibuat iaitu 12 tahun bagi Perkara 19(1) dan dua (2) tahun bagi Perkara 15(1);
- d. Berkelakuan baik; dan
- e. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM).

KDN ingin menegaskan bahawa pemberian kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi Kerajaan dan hak eksklusif yang tidak ditawarkan serta diberikan dengan sewenang-wenangnya. Justeru itu, elemen semak dan imbang (*check and balance*) turut dititik beratkan seperti mana berikut:-

- a. Pemohon Permit Masuk perlu melalui sesi temuduga dan naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur. Pegangan Permit Masuk adalah penting bagi membolehkan pemohon mengemukakan permohonan MyPR di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); dan
- b. Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pemohon berkelakuan baik dan tidak menyalahgunakan hubungan perkahwinan sebagai ruang untuk memohon kewarganegaraan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga sedang memuktamadkan pengemaskinian Prosedur Pengendalian Standard (SOP) permohonan kewarganegaraan. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek seperti kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk menambah baik *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) setelah sistem itu gagal untuk memberi amaran awal berkenaan pencemaran di Sungai Kim Kim awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar atau *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP) merupakan satu projek yang telah dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta antara Kerajaan

Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (kementerian terdahulu) dengan pihak swasta iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW).

2. EQMP secara asasnya dibentuk adalah bukan sebagai *early warning system*. Tujuan asal program ini adalah untuk pelaporan status kualiti alam sekitar di Malaysia dan dilaksanakan untuk memantau tahap kualiti alam sekitar yang merangkumi udara, air sungai dan air laut. Pengawasan ini mengukur kualiti ambien alam sekitar bagi menggambarkan status alam sekitar negara.
3. Bagi menambah baik sistem EQMP ini, Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi EQMP secara menyeluruh dengan mengambil kira insiden pencemaran alam sekitar yang berlaku di Pasir Gudang termasuk di Sungai Kim Kim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
[BACHOK]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)
NO. SOALAN : 20. PR-1423-L06939

SOALAN NO. 26

YB. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci impak ratifikasi perjanjian perdagangan CPTPP terhadap kelestarian perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership-CPTPP*) yang telah ditandatangani oleh Malaysia dan sepuluh negara anggota yang lain pada 8 Mac 2018 telah berkuatkuasa mulai 30 Disember 2018. Walau bagaimanapun, Malaysia masih belum membuat keputusan sama ada akan meratifikasi perjanjian ini atau tidak.
2. CPTPP adalah satu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang dipersetujui di bawah CPTPP mempunyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa Kerajaan, termasuk yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Maka, Kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

Tuan Yang Dipertua,

3. Semasa perjanjian ini dirundingkan, negara-negara anggota sedar akan keperluan untuk memastikan IKS mendapat manfaat melalui perjanjian yang komprehensif dan berstandard tinggi ini. Justeru, terdapat beberapa Bab-bab khusus di bawah CPTPP yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing IKS, khususnya bagi memastikan manfaat terhadap IKS di negara-negara membangun yang menganggotai CPTPP:

- a) Kerjasama dan Bina Upaya (Bab 21);
- b) Persaingan dan Fasilitasi Perniagaan (Bab 22);
- c) Pembangunan (Bab 23); dan
- d) Perusahaan Kecil dan Sederhana (Bab 24).

4. Semasa Mesyuarat Suruhanjaya Bersama kali ke 2 (2nd *Joint Commission Meeting*) yang telah diadakan pada 9 Oktober 2019 di New Zealand, Mesyuarat mengambil maklum bahawa adalah terlalu awal untuk menyatakan impak pelaksanaan Perjanjian ini kepada industri, termasuk IKS. Di antara perkembangan yang dilaporkan adalah:

- a) setelah CPTPP dikuatkuasakan, Viet Nam terus mengambil peluang dalam bidang kerjasama dan pembinaan kapasiti IKS di bawah CPTPP dengan mendapatkan bantuan daripada negara-negara CPTPP lain seperti Australia, Kanada dan New Zealand; dan
- b) pada bulan Jun 2019, Kanada telah melancarkan inisiatif baru melalui program, dengan izin, *Canadian Trade and Investment Facility for Development* (CTIF) untuk membantu kerajaan Viet Nam mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang wujud di bawah CPTPP terutamanya bagi IKS. Inisiatif ini akan melatih sehingga 300 IKS Viet Nam dalam mendapatkan akses ke pasaran Kanada dan akan turut memberi bantuan teknikal khusus secara *one-on-one* kepada 45 IKS di mana separuh daripada IKS yang terlibat dalam program ini dimiliki oleh usahawan-usahawan wanita.

Tuan Yang Dipertua,

5. Terdapat juga beberapa cabaran pelaksanaan CPTPP yang dihadapi oleh IKS negara-negara CPTPP yang telah menguatkuasakan perjanjian ini, seperti berikut:

SOALAN NO. 20

- a) memahami keperluan teknikal peraturan tempasal bagi melayakkan sesuatu produk itu mendapat layanan duti berkeutamaan (*preferential duty*) termasuk dokumentasi yang terlibat serta memahami aspek teknikal CPTPP yang berkaitan dengan *tariff-rate quota* (TRQ);
- b) kos kewangan untuk IKS menembusi akses pasaran baru; dan
- c) memahami pelbagai peraturan (*regulations*) dan perbezaan budaya setiap negara CPTPP.

6. Kesimpulannya, pelaksanaan perjanjian CPTPP telah memberi peluang dan cabaran kepada IKS di negara-negara anggota. Bagi mencapai manfaat bersama dalam jangka masa panjang, negara-negara CPTPP juga secara bersama telah bersetuju untuk memadankan (*match-make*) kepakaran negara masing-masing agar lebih cekap dan berdaya saing serta meningkatkan aspek ketelusan dalam pelaksanaan CPTPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status perkembangan pelaksanaan dasar penyatuan tanah sawah. Apakah cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi Kerajaan bagi pelaksanaan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan penyatuan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Cadangan penyatuan tanah ini bukan sahaja dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti hasil, tetapi yang lebih utama juga adalah bahawa manfaat daripadanya harus diraih oleh kelompok tuan tanah dan pesawah yang terlibat itu, selain juga kepentingan Kerajaan sendiri. Faktor kejayaan utama bagi penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat. Sekiranya sokongan diperoleh daripada pemilik tanah dan pesawah terhadap cadangan ini maka sebarang model yang akan diperkenalkan kelak akan dapat dilaksanakan tanpa halangan.

2. Konsep pengurusan tanah ini melibatkan pengurusan ladang dari peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat atau koperasi. Cadangan ini dibuat bagi memastikan pengurusan yang lebih cekap dengan ladang bersaiz ekonomi (*economic of scale*) memandangkan didapati kebanyakan sawah yang diusahakan dalam skala kecil sukar untuk meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan pesawah; selain menyukarkan pengurusan ladang dan pengurusan bantuan dilaksanakan.

Kaedah pulangan kepada pesawah samada dalam bentuk kerjasama strategik, pembayaran secara langsung dalam bentuk sewaan atau pajakan, perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau seumpamanya masih dalam penelitian lagi. Libat urus akan dilakukan bagi memastikan pesawah dan pemilik tanah memahami konsep pelaksanaan model ini.

3. Kerajaan sentiasa memastikan pemilik tanah diberi keutamaan dan tidak perlu bimbang atas kehilangan aset mereka sekiranya cadangan penyatuan petak sawah bagi kerja-kerja penanaman padi direalisasikan. Konsep penyatuan tanah yang dilaksanakan bersama pesawah adalah dalam tempoh yang dipersetujui dan tidak melibatkan sebarang pertukaran hak milik tanah mahupun perubahan batas persempadanan tanah hak milik. Pemilik tanah (pesawah) kekal memiliki tanah mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dari Januari hingga September 2019; dan perbandingan jumlah kutipan bagi tempoh yang sama pada tahun 2017; dan
- (b) kaedah-kaedah baharu yang diperkenalkan Kementerian bagi tujuan meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN dari Januari hingga September 2019 adalah berjumlah RM1.50 billion (Ogos 2019) berbanding sebanyak RM3.03 billion untuk tempoh yang sama bagi tahun 2017.
- (b) Cadangan mekanisme baharu bayaran balik pinjaman PTPTN telah dikenalpasti hasil daripada sesi konsultasi rakyat dan akan diumumkan setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih

RJM 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIE MONGIN (PUNCAK BORNEO)

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah penduduk tempatan ras asli Sarawak layak diberikan taraf kewarganegaraan secara perundangan sekiranya ibu bapa mereka telah meninggal dunia tanpa dokumen pengenalan diri. Jika tidak, apakah langkah penyelesaian yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu ini bagi pemegang kad pengenalan Mykad dan sijil kelahiran bertaraf "Belum Ditentukan" bagi penduduk asal (local born) ras asli Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa individu yang dilahirkan di Malaysia dengan salah seorang (1) ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia, layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta lain-lain perundangan yang berkaitan.

Berhubung permasalahan berkaitan taraf kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, antara langkah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan adalah melalui permohonan kewarganegaraan Malaysia. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dua (2) kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu warga asing, iaitu melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan lain-lain yang perundangan berkaitan.

Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan lain-lain yang perundangan berkaitan.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Oleh yang demikian, jika seseorang mengaku sebagai penduduk tempatan ras asli Sarawak bertaraf warganegara, individu berkenaan perlu mengemukakan bukti dan dokumen sokongan bahawa beliau adalah seorang warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif berterusan dalam usaha untuk menangani masalah penduduk pribumi negeri Sarawak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri seperti mana berikut:-

- i. *Operation Exchange* (OPEX) (19 Mei 1966 – 31 Disember 1980);
- ii. Pendaftaran Bergerak Secara *Adhoc* (Tahun 1981 – Tahun 2003);
- iii. Penubuhan Unit Khas Bergerak (Tahun 2004 – kini);
- iv. Pasukan Petugas Khas (Mulai 23 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2017); dan

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu bertaraf 'Belum Ditentukan' atau Bukan Warganegara adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD (LIPIS)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini permohonan taraf
kewarganegaraan dan permohonan MyKad yang telah diluluskan oleh
Jabatan Pendaftaran Negara sebelum sindiket jual Mykad terbongkar dan
ditahan oleh pihak berkuasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 sehingga 15 September 2019, sebanyak 24,466 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan kewarganegaraan berkenaan, sebanyak 5,784 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan warganegara Malaysia iaitu MyKad oleh JPN adalah berdasarkan ketetapan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Semakan melalui pangkalan data JPN mendapati statistik permohonan MyKad kali pertama dan gantian MyKad bagi tempoh dari bulan Januari 2019 sehingga 28 September 2019 adalah sebanyak 1,657,055.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan kriteria yang digunakan oleh Kementerian
Dalam Negeri dalam memberikan status penduduk tetap kepada Dr. Zakir
Naik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu mempunyai passport yang sah dan mempunyai Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pengeluaran MyPR kepada kepada Zakir Abdul Karim Naik atau lebih dikenali umum sebagai Dr. Zakir Naik telah dilaksanakan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh JIM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.26

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian kepada Sekolah Agama Rakyat khususnya di negeri Kedah dan amnya di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama persendirian (SAP) dan sekolah agama negeri (SAN) yang berdaftar dengan KPM dan juga berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN). Peruntukan ini diberikan kepada sekolah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan sahaja. Berdasarkan data, sebanyak 96 buah sekolah agama berdaftar dengan KPM dan 458 buah sekolah pula berdaftar dengan PBAN. Daripada jumlah ini sebanyak 337 sekolah telah membuat permohonan.

Peruntukan diagihkan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh KPM. Permohonan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal sebelum diputuskan oleh Jawatankuasa pemandu Pengurusan Peruntukan

Kewangan. Secara keseluruhannya sebanyak 67 buah sekolah agama persendirian yang berdaftar dengan KPM dan 213 sekolah yang berdaftar dengan PBAN telah diluluskan bagi pengagihan peruntukan ini. Bagi negeri Kedah sebanyak tujuh (7) buah sekolah agama persendirian yang berdaftar dengan KPM dan 32 buah sekolah yang berdaftar dengan PBAN telah diluluskan pemberian peruntukan melibatkan sebanyak RM2.02 juta.

Selain daripada itu, KPM juga prihatin kepada Sekolah Agama Rakyat – Kelas Al-Quran Fardu Ain (SAR – KAFA). Jumlah peruntukan bantuan kewangan kepada SAR - KAFA yang disalurkan bagi tahun 2019 ialah sebanyak Ringgit Malaysia Enam Ratus Enam Puluh Dua Ribu, Empat Ratus Dua Puluh Enam dan Sen Sembilan Belas (RM662, 426.19) yang memberi manfaat kepada 1,661 buah sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**
[SETIAWANGSA]
TARIKH : **21 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

SOALAN. 27

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah insentif yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik atau *hybrid* di peringkat agensi Kerajaan, awam dan komuniti perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik atau *hybrid* di peringkat agensi kerajaan, awam dan komuniti perniagaan, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif seperti berikut:

- (i) kemudahan pinjaman mudah menerusi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dengan jaminan kerajaan sebanyak 60% serta subsidi rebat kadar faedah sebanyak 2% untuk tempoh 7 tahun pertama dengan had pinjaman maksimum sebanyak RM100 juta untuk pengeluar dan RM50 juta untuk pengguna;
- (ii) pengecualian cukai di bawah program Pengecualian Cukai Pelaburan (GITA- Aset) - bagi syarikat-syarikat yang membeli aset yang disenaraikan di bawah Direktori MyHijau seperti motosikal elektrik, *scooter* elektrik, bas elektrik, trak elektrik, kenderaan serbaguna (MPV) elektrik serta kemudahan sistem pengecas kenderaan elektrik;
- (iii) pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) - bagi syarikat-syarikat perkhidmatan teknologi hijau yang disenaraikan dalam Direktori MyHijau yang menyediakan perkhidmatan pengoperasian, pemasangan dan membaik pulih sistem pengecas serta kenderaan elektrik;
- (iv) program *Industrial Linkage Programme (ILP)* di mana *vendor* boleh memohon dana khas untuk pembangunan teknologi dalam industri kenderaan elektrik; dan
- (v) pengecualian cukai import dan duti eksais bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik untuk kenderaan penumpang, kenderaan komersial dan motorsikal.

2. Pemberian insentif seperti ini dijangka mampu meningkatkan nilai pelaburan, jumlah pengeluaran, pemindahan teknologi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penyediaan rantai bekalan, peluang pekerjaan dan jumlah eksport dalam industri kenderaan elektrik dan hibrid di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan pengecualian guru-guru untuk melaksanakan tugas perkeranian bagi meringankan beban mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai pendekatan secara holistik dalam usaha mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengurangkan beban tugas guru dalam melakukan kerja-kerja perkeranian supaya tidak mengganggu tugas hakiki mereka di sekolah. Secara keseluruhannya, beban tugas guru dalam kerja perkeranian dan teknikal ICT adalah bergantung kepada jenis tugas khas yang dipegang oleh guru. Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani beban tugas guru ialah:

1. Melaksanakan kerangka baharu norma perjawatan kumpulan pelaksana di sekolah yang responsif terhadap keperluan pentadbiran, perkhidmatan, pengurusan kewangan, stor, dan aset sekolah.
2. Memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling serta surat siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

3. Pengisian jawatan kosong di sekolah dengan melihat keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana.
4. Mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan dengan pemerkasaan pengintegrasian data melalui inisiatif *single-sign-on* (SSO).
5. Memperhalus kaedah pengoperasian dan pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid.
6. Mengurangkan beban aktiviti-aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, sepertimana surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2016 berhubung Garis Panduan Pengurusan Majlis/Program/Acara dan Pengurangan Amalan Protokol dan Sambutan di Bahagian/Jabatan/Institusi/ Pendidikan di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
7. Kepimpinan sekolah yang berkesan diperkasakan melalui program National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL).
8. Memastikan pemantauan amalan melindungi masa instruksional (MMI) dilaksanakan sewajarnya.

Dalam masa yang sama, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB). Di samping itu juga, pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif yang telah dilaksanakan akan dijalankan oleh Jawatankuasa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan cadangan untuk menubuhkan kampus cawangan universiti-universiti Jepun di Malaysia. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi merealisasikan cadangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri Malaysia berhasrat untuk memberi lebih pendedahan dan akses yang lebih meluas kepada sistem pendidikan Jepun bagi pelajar Malaysia melalui polisi Pandang ke Timur. Sehubungan itu YAB Perdana Menteri telah mencadangkan kepada Perdana Menteri Jepun untuk menubuhkan kampus cawangan institusi pendidikan tinggi (IPT) Jepun di Malaysia. Hasrat tersebut telah disambut baik oleh Kerajaan Jepun.

Susulan itu, satu lawatan kerja oleh Kerajaan Jepun ke Malaysia telah diadakan pada bulan September 2019 yang terdiri *daripada Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology of Japan (MEXT), Ministry of Foreign Affair dan Japan Embassy in Malaysia*. Antara perkara utama yang dibincangkan bersama-sama delegasi Jepun adalah mengenai penubuhan, pendaftaran dan pengoperasian sebuah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Terdapat dua (2) buah institusi pendidikan tinggi (IPT) Jepun telah mempertimbangkan penubuhan

NO. SOALAN: 45

kampus cawangan di Malaysia iaitu *Nippon Designers School* yang merupakan Universiti Swasta dan *University of Tsukuba* yang merupakan Universiti Awam di Jepun.

Setelah mendapat persetujuan pengecualian moratorium penubuhan IPTS daripada Jemaah Menteri, pelbagai usaha memudah cara telah dilaksanakan seperti kerja ke cadangan tapak lokasi, perbincangan dengan kampus cawangan luar negara yang telah beroperasi di Malaysia bagi berkongsi pengalaman, perbincangan dengan agensi pemberi biasiswa dan bantuan pinjaman pendidikan, serta perbincangan dengan IPT yang lain mengenai potensi kolaborasi.

Berdasarkan perbincangan awal, penubuhan kampus cawangan *University of Tsukuba* di Malaysia adalah pada tahun 2021 manakala penubuhan kampus cawangan *Nippon Designers School* adalah pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setiap tahun lebih kurang 250,000 penuntut menghadapi peperiksaan sedangkan pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta hanya boleh menampung sekitar 50,000 hingga 60,000 tempat belajar. Ke manakah mereka disalurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelaras kemasukan pelajar ke universiti awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi, bilangan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah 464,776 pada tahun 2016, 462,038 pada tahun 2017 dan 432,296 pada tahun 2018. Seterusnya seramai 199,629 calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah memohon untuk melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA melalui UPUOnline pada sesi akademik 2019/2020. Sebanyak 69 peratus (137,931) calon telah ditawarkan tempat pengajian di IPTA dan ILKA mengikut program yang dipilih.

Pada tahun 2018, 146,683 calon telah memohon program TVET melalui sistem UPUOnline. 99.9 peratus iaitu 146,597 daripada calon tersebut layak untuk program TVET. Jumlah ini dijangka dapat mengurangkan lagi bilangan pelajar lepasan SPM yang menyertai pasaran kerja tanpa latihan kemahiran, sekali gus meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir yang terdiri daripada warga tempatan

Sementara itu, purata enrolmen pelajar di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dari tahun 2013 hingga 2019 adalah seramai 24,477 orang.

Manakala, pengambilan pelajar ke Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi bekalan guru sekolah rendah di seluruh negara.

Selain daripada universiti awam, Politeknik, Kolej Komuniti ILKA, IPG, Kolej Matrikulasi KPM, calon-calon lepasan SPM juga boleh melanjutkan pengajian ke Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Institut Kraf Negara (IKN), Pra Universiti Sekolah Sukan Malaysia di bawah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Tingkatan Enam di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan melanjutkan pengajian di lain-lain institusi di dalam dan luar negara samada melalui tajaan atau pembiayaan persendirian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membentuk satu polisi komprehensif yang berteraskan teknologi untuk diserapkan di kesemua sekolah di Malaysia sebagai usaha untuk melahirkan tenaga kerja yang seiring dengan perkembangan era digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pada masa hadapan. Sekiranya ada, bilakah garis masa untuk polisi ini dibentangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem pendidikan perlu melalui transformasi dari semasa ke semasa agar kekal relevan dengan perkembangan teknologi terkini. Transformasi pendidikan yang seiring dengan perkembangan era digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) amat penting untuk mengoptimumkan potensi murid untuk menguasai kemahiran abad ke-21.

Pelan jangka panjang pendidikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 terutamanya bagi Anjakan 7 iaitu Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia telah menggariskan strategi yang perlu dilaksanakan dalam tempoh tersebut kerana telah terbukti bahawa ICT berpotensi besar memacu dan memperkukuh proses pengajaran dan pembelajaran. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM adalah membekalkan

NO. SOALAN: 32

perkhidmatan capaian Internet ke semua sekolah, menyediakan platform e-pembelajaran, memperbanyakkan kandungan pendidikan dalam format digital dan bukan digital yang sesuai dengan trend dan citarasa murid, serta memperhebatkan persekitaran yang memacu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, yang mengintegrasikan secara berkesan teknologi dalam bilik darjah.

KPM juga berusaha untuk mempersiapkan murid-murid menghadapi cabaran Revolusi Industri (IR 4.0) dengan mengenal pasti dan mencari penyelesaian bagi perubahan yang dihadapi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya berkaitan dengan perubahan dari sudut sosial, ekonomi dan budaya yang dipacu oleh keterbukaan capaian internet dengan menggalakkan inovasi digital, memperkasa aktiviti penghasilan digital; memperbaiki rangkaian dan perkhidmatan infrastruktur lebar jalur; menyediakan kerangka konsep yang sesuai bagi membolehkan pelaksanaan internet benda (*Internet of Things*); membangunkan buku teks digital; memberi pendedahan keselamatan digital dan pengurusan risiko peribadi, bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk memberi pendedahan kepada murid berkaitan perubahan dalam industri serta memberikan pengetahuan dan kemahiran baharu berkaitan ICT dan teknologi digital kepada murid. Kesemua strategi yang telah dikenalpasti ini akan dimasukkan ke dalam draf Pelan Strategi Pendidikan Digital (2019 – 2025) berdasarkan trend dan keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) digital di peringkat global dan Kajian Impak dan Hala Tuju Pendidikan Digital yang dilaksanakan pada Oktober 2018 – Mac 2019.

Selain daripada itu, melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), KPM telah memperkenalkan mata pelajaran baharu seperti Reka Bentuk & Teknologi (RBT), Asas Sains Komputer (ASK) dan mata pelajaran Sains Komputer termasuk mata pelajaran Reka Cipta (RC) serta mata pelajaran vokasional dan teknikal yang telah melalui proses semakan semula. Mata pelajaran ini juga dimasukkan elemen *coding* agar murid berupaya menyelesaikan masalah logik dan sistematik melalui pengaplikasian konsep pemikiran komputasional (*computational thinking*).

NO. SOALAN: 32

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga sedang membangunkan Pelan Tindakan Pendidikan STEM yang meliputi peringkat prasekolah hingga tertiar bagi menyediakan tenaga kerja berliterasi STEM yang berfikiran analitikal, kreatif dan inovatif seiring dengan keperluan dalam era Revolusi Industri 4.0. Pelan ini telah dibentangkan pada peringkat pengurusan tertinggi Kementerian dan sedang dimurnikan untuk dibawa ke peringkat lebih tinggi untuk membolehkan pelan dilaksanakan mulai tahun 2020. Pelan ini memberi penekanan kepada peningkatan minat murid dalam mata pelajaran berkaitan STEM, pemantapan kemahiran guru STEM dan penambahan kesedaran dalam kalangan orang awam tentang kepentingan pendidikan STEM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada ia menjadi satu kesalahan membakar tangkai padi secara terbuka sebelum penanaman baru sawah padi. Apakah cara alternatif untuk pesawah-pesawah menyediakan sawah padi tanpa pembakaran tangkai padi secara terbuka dan kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh pesawah-pesawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Akta Alam Sekeliling 1974 (Akta 174) Jabatan Alam Sekitar, pembakaran jerami dibenarkan tetapi perlu dilakukan secara terbuka dan terkawal. Jerami padi di petak-petak sawah akan dibakar bertujuan untuk memusnahkan perumah kepada perosak dan penyakit tanaman padi sebelum memulakan musim baru penanaman padi.
2. Antara cara alternatif untuk pesawah-pesawah menyediakan sawah padi tanpa pembakaran tangkai padi secara terbuka adalah seperti berikut:
 - i. Pengumpulan jerami dalam bentuk *bale* – kaedah ini menggunakan mesin *baler*. Jerami kemudiaannya dibentuk menjadi *bale* untuk tujuan makanan ternakan dan industri.
 - ii. Pereputan dan kompos - kaedah penggunaan produk berunsurkan mikrob sebagai agen pereputan jerami. Jerami yang reput akan kembali ke tanah sebagai kompos dan memberi nutrien kepada tanah sawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR NASARAH
(LENGGONG)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kes penghinaan terhadap institusi beraja sejak Mei 2018 sehingga kini berdasarkan kaum, jantina, negeri dan bilangan kes yang telah didakwa di mahkamah serta apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa memastikan, keistimewaan dan kedaulatan Raja-Raja terus dilindungi. Pihak polis akan mengambil tindakan segera dengan membuat tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana pihak yang melakukan penghinaan terhadap institusi beraja berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan mahupun Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Mei 2018 sehingga 15 September 2019 sebanyak 32 kes yang melibatkan penghinaan Institusi

Diraja telah dibuka untuk siasatan. Daripada jumlah itu, sebanyak 4 kes telah dituduh di Mahkamah dan seorang telah mengaku bersalah dengan dikenakan hukuman penjara selama setahun. Manakala 18 kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan arahan kes adalah Tiada Tindakan Lanjut (NFA) dan baki 10 kes masih dalam siasatan pihak polis.

Berdasarkan 4 kes yang dibawa ke mahkamah, pecahan tertuduh mengikut jantina, kaum dan negeri adalah seorang lelaki Melayu dari Johor, seorang lelaki Melayu dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang lelaki Cina dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang lelaki India dari Negeri Perak.

Kerajaan mengambil langkah proaktif bagi mengekang kes-kes sensitif daripada berleluasa melalui peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat supaya lebih peka dan sensitif terhadap sentimen seperti perkauman, keagamaan dan institusi Diraja melalui kempen-kempen kesedaran bersama orang awam. Selain itu, kajian dan cadangan untuk penambahbaikan ke atas akta-akta sedia ada juga dilaksanakan supaya lebih berkesan dan menyeluruh serta menubuhkan unit pemantauan dan siasatan terhadap penyalahgunaan media sosial di peringkat daerah dan kontinjen PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 35

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana konsep pertanian adalah perniagaan telah berjaya membawa kekayaan kepada petani-petani. Sejauh manakah pemuda-pemudi rakyat Malaysia tertarik kepada pertanian sebagai kerjaya yang menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa komited di dalam usaha menggalakkan pemuda pemudi menceburi sektor agromakanan yang berkonsepkan perniagaan. Bagi meneruskan inisiatif ini, MOA melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda (PAM) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bermula pada tahun 2016 sehingga kini bertujuan bagi menarik minat pemuda - pemudi seluruh negara yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.
2. Program ini merupakan bantuan dan galakan yang disediakan oleh Kerajaan bagi menyokong konsep pertanian adalah perniagaan di mana golongan muda mampu menjana kekayaan menerusi bidang pertanian. Usaha berterusan ini memastikan semua petani dan orang muda yang terlibat di dalam sektor ini terus dibantu sehingga perniagaannya memperoleh pendapatan yang lumayan.
3. Secara umumnya, program ini menawarkan perkhidmatan dan bantuan seperti berikut:
 - i. Menyediakan Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
 - ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas di bawah TEKUN Nasional sehingga RM50,000 dan di bawah Agrobank sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan

- iii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian.
4. Untuk rekod, dari tahun 2016 sehingga Mei 2019, seramai 5, 123 orang peserta agropreneur muda dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada Program Agropreneur Muda.
 5. Selain itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga seperti FAMA telah menjalankan tanggungjawab bagi menyelaraskan, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia. Dalam usaha pemasaran dan pengedaran buah-buahan dan sayur-sayuran di seluruh negara, antara program yang dilaksanakan oleh FAMA adalah Program Ladang Kontrak, Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak ke Pasaran (KUKUH), Program Pembinaan Pusat Pengumpulan Ladang, Program Usahawan Motosikal Roda Tiga dan Program Pasar Tani.
 6. Program di bawah Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) juga merupakan cabang daripada Program Agropreneur Muda telah dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) dengan kerjasama secara strategik semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan IPTA di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK B. SHAARY
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan semasa kejadian kegagalan sistem di KLIA baru-baru ini :-

(a) berapakah kemasukan dan pelepasan warganegara Malaysia dalam tempoh itu dan kemasukan dan pelepasan warganegara asing mengikut pecahan negara asal mereka; dan

(b) adakah semua warganegara asing yang memasuki Malaysia pada masa itu telah meninggalkan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan dan pelepasan pelawat asing sepanjang berlakunya gangguan teknikal dan gangguan sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 1 dan 2 tidak dapat diperincikan memandangkan pemeriksaan ke atas pelawat dijalankan secara manual oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian dan JIM sentiasa melaksanakan prosedur mengikut tatacara standard operasi (SOP) seperti yang telah ditetapkan dan Pegawai Kaunter juga menurunkan endorsmen keluar dan masuk setelah memastikan segala prosedur pemeriksaan serta syarat kemasukan pelawat dipenuhi selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa dalam menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Selain itu, pas khas untuk rujukan ke negeri yang ingin dilawati juga dikeluarkan kepada pelawat asing bagi tujuan semakan dan pemeriksaan yang lebih terperinci oleh JIM di negeri tersebut. Sebagai langkah-langkah tambahan, rujukan senarai syak turut diedarkan kepada Pegawai Kaunter bagi semakan pelawat asing yang tersenarai dalam Senarai Syak jabatan sebelum penurunan cap keselamatan dibuat.

Pihak JIM merekodkan sejumlah 943 orang pelawat asing telah dikenakan arahan Notis Penolakan Masuk (NTL) bagi tempoh 20 hingga 30 Ogos 2019. Manakala bagi tempoh 25 hingga 31 Ogos 2019, seramai 51,188 orang pelawat asing tiba melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 1 dan 2 serta 82,473 orang pelawat asing keluar dari Malaysia bagi tempoh yang sama.

Sukacita untuk ditegaskan di sini bahawa pihak JIM di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah mengambil segala langkah kawalan sepanjang insiden kegagalan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) dan sentiasa memastikan kawalan pintu masuk Negara tidak dibolosi dengan mudah demi keselamatan Negara.

- (b) Kemasukan warganegara asing adalah mengikut tempoh kelayakan visa Negara masing-masing sama ada 15 atau 30 hari dan melalui mana-mana pintu masuk/keluar yang telah diwartakan selaras dengan Akta Imigresen 1959/63.

Berikutan maklumat kemasukan dan pelepasan pelawat asing sepanjang kegagalan sistem di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tidak dapat diperincikan, pihak JIM mengambil langkah kawalan tambahan selepas tempoh kegagalan sistem tersebut dengan merekodkan seramai 440,258 orang pelawat asing yang meninggalkan Negara pada 25 Ogos hingga 30 September 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- a. Alasan sebenar atau kelayakan warga India Zakir Naik diberikan taraf Penduduk Tetap Malaysia dalam tempoh masa yang begitu singkat; dan
- b. Sama ada permohonan Zakir Naik untuk mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia akan dibenarkan memandangkan melebihi 12,000 orang pemohon-pemohon yang lama menetap in Malaysia, masih menunggu keputusan daripada Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan mempunyai Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). JPN telah mengeluarkan MyPR kepada Zakir Abdul Karim Naik atau lebih dikenali umum sebagai Dr. Zakir Naik pada 21 April 2016. Pengeluaran MyPR kepada individu tersebut telah dilaksanakan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh JIM.
- b. Berhubung dengan isu permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh Zakir Naik, hasil semakan mendapati bahawa tiada rekod permohonan kewarganegaraan daripada individu tersebut dalam pangkalan data JPN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK B. SHAARY
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan kerakyatan telah diberikan kepada mereka yang bukan rakyat Malaysia asalnya serta pecahannya mengikut negara asal mereka bermula dari 1 Januari 1990 sehingga 30 September 2019 ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari 1 Januari 1990 hingga 30 September 2019, sebanyak 96,044 orang pemohon kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Daripada jumlah yang sama, perincian pemohon tertinggi mengikut lima (5) Negara asal pemohon seperti mana berikut:-

- i. Indonesia seramai 31,659 orang;
- ii. India seramai 8,307 orang;
- iii. Thailand seramai 4,127 orang;
- iv. Kemboja seramai 3,657 orang dan
- v. Singapura seramai 2,186 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk mengesahkan sama ada kerajaan India telah membuat permohonan ekstradisi bagi Dr Zakir Naik dan sekiranya ya, apakah keputusan yang telah diambil Kerajaan berkenaan permohonan ekstradisi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan telah membuat pertimbangan berdasarkan peruntukan di dalam Triti Ekstradisi di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India serta Akta Ekstradisi 1992 dengan mengambil kira penelitian terhadap bukti-bukti

yang dikemukakan termasuk semua faktor dan fakta kes.

Kerajaan Malaysia memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangnya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Selain itu, terdapat peruntukan Akta Ekstradisi 1992 untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Semakan terhadap Dr. Zakir Naik juga mendapati beliau tidak tersenarai dalam *red notice Interpol* dan entiti pengganas di dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) sebagai orang yang dikehendaki mahu pun pengganas yang disyaki.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah proaktif diambil Kementerian untuk mengatasi masalah jerebu yang melanda negara kita masa ini, khususnya perbincangan dengan negara jiran untuk sama-sama mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebut yang berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran seperti berikut:

- (i) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- (ii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
- (iii) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan;

- (iv) MESTECC telah mengutuskan surat kepada *ASEAN Secretariat* pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu rentas sempadan; dan
- (v) delegasi Malaysia telah menghadiri mesyuarat khas bersama negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan yang telah diadakan pada 6 Oktober 2019 bersempena dengan penganjaran Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution dan ASEAN Ministerial on Environment* (AMME) dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI B. SULAIMAN (SIK)

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah lebih efisien dan sistematik untuk membendung banjiriran pekerja asing tanpa izin yang sudah menjadi ancaman sosial dan demografi dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memandang berat permasalahan banjir Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini. Isu ini jika tidak ditangani dengan tuntas boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi mahupun politik negara.

Berdepan realiti ini, KDN melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa melaksanakan operasi-operasi bersepadu yang melibatkan perkongsian sumber dan maklumat risikan bagi menangani isu PATI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 54,561 operasi telah dijalankan oleh JIM dengan tangkapan seramai 182,150 orang PATI dan 5,122 orang majikan pada tahun 2016 hingga 31 Ogos 2019.

Selain itu, bagi mengurangkan banjir PATI serta menjimatkan perbelanjaan Kerajaan khususnya dari segi penyediaan makan dan minum tahanan di depot serta kos-kos mengurus yang lain, Kerajaan telah melaksanakan program PATI pulang ke negara asal atau program '*Back For Good*' (B4G). Program ini merupakan inisiatif yang terkandung dalam strategi perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan berada di Malaysia tanpa pas yang sah untuk balik ke negara asal secara sukarela.

Program B4G ini dilaksanakan bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 di Semenanjung Malaysia sahaja yang melibatkan bayaran kompaun sebanyak RM700. Sehingga 22 September 2019, seramai 39,551 orang PATI telah berdaftar dengan JIM untuk program tersebut dengan kutipan kompaun sebanyak RM27,685,700.

Pada masa ini KDN juga sedang dalam usaha untuk menghasilkan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh sebagai satu langkah memperkukuh tadbir urus dan menambahbaik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan banjir PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendayaupaya agensi penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- i. **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara;
- ii. **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- iii. **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- iv. **Strategi Pengurusan Warga Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan warga asing; dan
- v. **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga akan turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]
TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO: 42

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah jerebu yang melanda Sarawak dan negeri lain akibat titik panas yang berlaku di negara jiran tidak berulang di masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelbagai tindakan telah diambil oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

- (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara;
- (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (iii) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysias (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan sebanyak 3 kali di Semenanjung Malaysia dan 3 kali di Sarawak dari 12 hingga 23 September 2019 bagi mengurangkan kesan jerebu rentas sempadan.

2. Selain itu, MESTECC sedang mengkaji untuk menggubal undang undang diperingkat nasional dalam menangani isu pencemaran alam sekitar merentas sempadan termasuk jerebu. Dengan adanya undang-undang ini, tindakan boleh diambil ke atas individu/syarikat yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca berlakunya kebakaran hutan/ladang yang menyebabkan jerebu rentas sempadan.

3. Sementara itu di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu merentas sempadan yang berulang dan mengambil perhatian serius ke atas kesepakatan negara anggota bagi merealisasikan *Road Map on Asean Cooperation towards Trans-boundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perkakasan dan perisian di makmal ICT di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah luar bandar telah dinaik taraf seiring dengan perubahan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah di negara ini telah pun dilengkapi dengan keperluan asas teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menaiktaraf peralatan ICT tersebut dari semasa ke semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah memperuntukkan bajet untuk penyenggaraan peralatan ICT bagi memastikan peralatan ICT ini berfungsi untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pada tahun 2019, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk tujuan penyelenggaraan ke atas peralatan ICT yang rosak. Untuk menampung kekurangan peralatan ICT, KPM juga telah mengagihkan Netbook Malaysia sumbangan daripada SKMM kepada sekolah-sekolah terutamanya sekolah luar bandar. Selain itu, notebook juga dibekalkan kepada murid-murid tingkatan lima di sekolah-sekolah KPM negeri Sarawak. Usaha-usaha untuk meningkatkan bilangan peralatan ICT juga dibuat melalui pendekatan perkongsian pintar dengan agensi dan syarikat swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis-jenis Skim Pertanian dan kawasan yang terlibat yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Igan. Berapakah kos yang terlibat serta berapa jumlah peserta yang mengambil bahagian dan sejauh manakah kejayaan dicapai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian di kawasan Parlimen Igan. Bagi tempoh 2016 hingga 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta untuk tujuan pembangunan pertanian di kawasan tersebut. Ia melibatkan pembangunan kawasan seluas 121.2 hektar dengan penglibatan 111 orang petani dari kawasan Daerah Matu dan Daerah Daro.

2. Skim bantuan di bawah program pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak di Parlimen Igan adalah seperti berikut:
- i. Program Pembangunan Industri Buah-Buahan meliputi skop:
 - a. Pembangunan kawasan baru tanaman buah-buahan bermusim;
 - b. Pembangunan kawasan baru tanaman buah-buahan tidak bermusim; dan
 - c. Khidmat sokongan.
 - ii. Program Pembangunan Industri Kelapa meliputi skop:
 - a. Kerja-kerja awalan, pembangunan dan penyelenggaraan ladang;
 - b. Pembangunan pengeluaran benih kelapa berhasil tinggi; dan
 - c. Khidmat Pengembangan dan latihan kepada golongan sasaran.
 - iii. Program Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan meliputi skop:
 - a. Penyediaan kawasan;
 - b. Pembinaan struktur jejaring;
 - c. Pembinaan struktur fertigasi kalis hujan;
 - d. Pembekalan input dan peralatan pertanian; dan
 - e. Khidmat sokongan.
3. Melalui pelaksanaan program ini, seramai 37 orang peserta yang terlibat dengan tanaman jangka pendek seperti jagung, ubi, halia, sayur dedaun dan sayur buah telah memperolehi anggaran pendapatan kasar sehingga maksimum RM3,000 sebulan. Manakala, seramai 60 orang peserta yang mengusahakan tanaman jangka panjang seperti kelapa, rambutan, nangka dan jambu air masih belum mengeluarkan hasil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pelan Kerajaan melalui kerjasama dengan negara ASEAN untuk menangani isu jerebu rentas sempadan yang selalu melanda negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebut yang berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran seperti berikut:

- (i) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- (ii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
- (iii) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan;
- (iv) MESTECC telah mengutuskan surat kepada *ASEAN Secretariat* pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu rentas sempadan; dan
- (v) delegasi Malaysia telah menghadiri mesyuarat khas bersama negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan yang telah diadakan pada 6 Oktober 2019 bersempena dengan penganjuran Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia.

Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan *Road Map on ASEAN Cooperation towards Trans-boundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*. Dalam pada masa yang sama, Malaysia telah menghadiri Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* yang diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia.

Sekian, terima kasih.